

Empat negeri bersedia hadapi banjir besar Oktober ini

➔ Lebih 30 kawasan dikenal pasti berisiko tenggelam

Oleh Suzalina Halid, Siti Sofia Md Nasir, Norzamira Che Noh dan Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah mula mengambil langkah berjaga-jaga dan mempersiapkan agensi masing-masing bagi menghadapi fenomena air pasang besar luar biasa yang dijangka berlaku bulan depan.

Dijangkakan lebih 30 kawasan di negeri berkenaan dikenal pasti berisiko tenggelam yang kesemuanya terletak di sepanjang pantai Barat.

Kawasan yang dijangka terbahit di Pulau Pinang ialah Batu Ferringghi, Sungai Pinang, Teluk

Kumbar, Bayan Lepas dan di Butterworth manakala di Perak membabitkan daerah Hilir Perak termasuk Kerian, Manjung, Larut, Matang dan Selama.

Sementara itu, kawasan berisiko banjir di Kedah adalah Kuala Muda, Pendang, Kulim, Bandar Baharu dan Yan manakala di Selangor sepanjang pesisir pantai Barat dari Sabak Bernam ke Sepang.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlaku banjir besar itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor mengarahkan 1,300 anggota daripada 32 balai bomba bersiap siaga untuk turun padang.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata aset pasukan berkenaan terdiri daripada 45 bot dan 20 lori akan digunakan bagi memberi bantuan kepada penduduk di kawasan yang terjejas akibat fenomena berkenaan.

Pegawai Pertahanan Awam Bahagian Pengurusan Bencana dan Operasi Negeri Kedah, Mejar Imran Azemi berkata, pihaknya kini melancarkan pelan kontingensi dengan memperkasakan 343 Pasukan Tindak Balas Keceemasan Komuniti (CDERT) di

seluruh Kedah bagi menghadapi kemungkinan banjir.

Selain itu, katanya, Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) turut akan memaksimumkan penggunaan aset membabitkan 32 kenderaan lori dan pacuan empat roda; 12 buah ambulans serta 53 buah bot ringan pelbagai saiz ketika musim banjir nanti.

Kerah 600 anggota

Sementara itu, Pengarah APM Perlis, Lt Kol (PA) Ishak Mohd Radzi berkata, sebanyak lima lokasi yang dianggap berisiko tetapi ia tidaklah dilihat sebagai satu perkara serius berikutan sudah menjadi kebiasaan air pasang di kawasan terbabit.

"Antaranya, kawasan Pulau Ketam, Kampung Tengah, Seberang Alor, pesisir Kuala Perlis dan Sanglang. Kita juga bersedia mengerahkan antara 500 hingga 600 anggota sekiranya keadaan semakin teruk," katanya.

BH semalam melaporkan empat negeri di Pantai Barat Semenanjung iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah berisiko mengalami banjir besar berikutan fenomena air pasang besar luar biasa yang dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan.



Kanak-kanak bermain air banjir yang melanda di Kampung Manggis, Bukit Mertajam, semalam.

KEDAH



Kawasan berisiko tenggelam



PERAK



PULAU PINANG



SELANGOR



PETUNJUK
Kawasan berisiko banjir



Mohd Rosyidi Saidi menunjukkan dapur rumah yang runtuh dibadai ombak.